

10/05/2000

Memperkasakan gagasan bangsa

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaludin

SEPANDUK mengucapkan selamat bersidang kepada perwakilan Perhimpunan Agung Umno 2000 menghiasi jalan utama di ibu negara menuju ke tempat berlangsungnya perhimpunan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Slogan - Hidup Melayu, Hidup Umno - pada sepanduk itu membuktikan iltizam parti untuk menjadikan perhimpunan pertama alaf ini sebagai pemangkin mengukuhkan semula semangat juang serta bersatu dan berani mempertahankan Umno sebagai wadah perjuangan dari dulu, kini dan selamanya.

Hari ini, 1,339 perwakilan pergerakan Pemuda dan Wanita dari 164 bahagian kecuali dari Bahagian Bandar Tun Razak, berhimpun untuk mendengar amanat dan memilih pemimpin dan saf kepemimpinan baru bagi menerajui kedua-dua pergerakan itu sehingga 2003.

Perhimpunan itu penting kerana sesiapa yang terpilih menerajui Pergerakan Wanita mahupun Naib Ketua Pemuda, bukan saja perlu memastikan usaha memperkasakan gagasan bangsa terlaksana tetapi berupaya menggerakkan sayap kanan dan kiri parti menghadapi pembangkang. Di sini, perwakilan perlu memilih pemimpin yang mempunyai semangat juang tinggi serta bersahsiah untuk memperbetulkan tafsiran pembangkang yang sering mengelirukan.

Siapa pun yang dipilih dalam pergerakan Pemuda dan Wanita juga bukan bermakna kemenangan individu, tetapi Umno sendiri, khususnya untuk membetulkan kepincangan dihadapi masyarakat Melayu berikutan pelbagai tafsiran negatif pembangkang sehingga berjaya mempengaruhi segelintir generasi muda yang banyak mengecapi nikmat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di sini juga perwakilan diamanah memilih pemimpin untuk menggerakkan saf perjuangan Pemuda atau Wanita dan menjadi pemangkin kepada parti untuk membawa orang Melayu maju pada alaf baru.

Perhimpunan Pemuda Umno di Dewan Tun Hussein Onn hari ini pasti menarik kerana perwakilan akan memilih sama ada Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir atau Zein Isma Ismail, yang menawarkan diri bertanding jawatan yang dikosongkan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, yang menang tanpa bertanding jawatan Ketua Pemuda. Untuk jawatan Exco pula, 53 ahli Pemuda menawarkan diri bagi mengisi 20 tempat yang diperuntukkan mengikut perlembagaan parti.

Pemimpin yang menawarkan diri mewakili golongan profesional, usahawan serta mempunyai latar belakang agama ini mampu menerajui parti. Mereka yang lahir daripada pelaksanaan DEB ini juga mampu menjadi pemangkin kepada generasi muda untuk bersama Umno memastikan matlamat mengangkat perjuangan agama, bangsa dan negara dicapai.

Seperti dinyatakan oleh Hishammuddin: "Selagi saya mengetuai pergerakan Pemuda, saya dan rakan-rakan akan mempertahankan apa yang sudah dimiliki dan diwarisi sejak sekian lama dengan bijaksana selaras konsep kerjasama Barisan Nasional (BN) bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan pembangunan ekonomi masyarakatnya."

Dalam memilih pemimpin, perwakilan perlu menjadikan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai panduan supaya mereka yang dipilih benar-benar mempunyai iltizam dan jujur berkhidmat kepada parti. Penggunaan wang ketika berkempen bukan saja boleh menjejaskan parti, malah pemimpin yang dipilih menerusi cara itu tidak mempunyai jatidiri.

Perwakilan tentu lega atau mungkin 'terkejut' apabila dua calon Naib Ketua Pemuda yang dipanggil memberi keterangan kepada Jawatankuasa Teknikal didapati tidak terbabit dalam amalan politik wang. Keputusan itu

sudah pasti memudahkan mereka membuat pilihan dan perwakilan sendiri tentu mengetahui siapakah yang mengamalkan amalan tidak sihat itu. Mereka yang tidak berani tampil ke hadapan untuk membuat aduan mengenai amalan itu, sebelum ini, boleh menggunakan amanah yang diberikan bagi menghukum pemimpin terbabit jika pernah memperoleh sesuatu.

Bagi Pergerakan Wanita pula, perwakilan akan memilih penyandangannya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman atau Datuk Seri Rafidah Aziz. Agak sukar untuk membuat ramalan mengenai kedua-dua tokoh wanita ini. Kedua-duanya mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Kedudukan mereka boleh dikatakan pada garis 50-50. Hakim mereka ialah kira-kira 680 perwakilan.

Siti Zaharah mengambil alih pentadbiran Pergerakan Wanita dari Rafidah pada 1996. Ketua Wanita ini ternyata melalui liku yang sukar sepanjang tempoh tiga tahun lalu. Krisis ekonomi turut menjejaskan usahanya untuk menggembelng tenaga Wanita Umno bagi menjalankan pelbagai program yang dirancang.

Siti Zaharah pernah berkata, antara kejayaan beliau sepanjang tempoh tiga tahun lalu ialah skim Amanah Saham Wanita (Asnita) iaitu satu-satunya amanah saham bercorak syariah dengan ciri-ciri unik bagi wanita.

Bagaimanapun beliau mengaku bahawa Asnita tidak menyumbang kepada penambahan dana pergerakan itu kerana Wanita Umno hanya melahirkan idea, manakala pengurusannya dikendalikan oleh sebuah syarikat profesional bebas.

Siti Zaharah berkata, adalah tidak adil sekiranya mana-mana pihak mengkritiknya terutama dakwaan bahawa beliau tidak membawa sebarang perubahan dalam Wanita Umno kerana tempoh tiga tahun yang dilalui begitu singkat untuknya mencipta sebarang kejayaan yang boleh terpahat di ingatan.

Kedudukannya agak tergugat terutama selepas keputusan untuk memecat lima anggota Exconya terpaksa ditarik balik selepas Presiden parti campur tangan, dan keadaan terlerai selepas semua 25 anggota Exco Wanita berikrar untuk memulihkan perpaduan dalaman yang dikatakan berpuak-puak.

"Saya akui, setiap usaha yang ingin kita lakukan bukannya mudah. Ia memerlukan jangka waktu. Saya baru sepenggal memegang jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno dan tidak mungkin saya dapat memuaskan hati semua pihak. Tetapi saya percaya perwakilan sudah matang, mereka akan membuat keputusan ke arah pemilihan yang sihat demi kepentingan Umno dan masa depan Melayu," kata Siti Zaharah.

Kehadiran semula Rafidah di gelanggang Wanita hasil desakan kumpulan penyokongnya turut mencetus getaran di kalangan anggota pergerakan berkenaan. Walaupun awalnya ada usaha untuk mencalonkan beliau sebagai naib presiden, jawatan yang dikatakan setaraf dengan kedudukannya sebagai menteri kanan, wanita yang disegani di pentas antarabangsa itu menyedari hakikat sebuah parti Melayu yang masih tebal dengan sikap ego seorang 'lelaki'.

Desakan bertalu daripada penyokong serta kefahaman bahawa pergerakan ini sudah tersasar dari landasan dan memerlukan perubahan drastik bagi memulihkan imej terutama di kalangan wanita Melayu muda, Rafidah menyahut cabaran untuk mengulangi persaingan 1996.

Melihat kepada kegagalan Pergerakan Wanita untuk menentukan hala tuju yang sewajarnya, terutama dari segi pengurusan kewangan pergerakan, membuatkan Rafidah mengambil keputusan yang mungkin akan menjejaskan imejnya sekiranya beliau tewas buat kali kedua.

Mungkin kelemahan utama wanita besi ini ialah tidak pandai 'memancing undi', namun gambaran awal yang tampak garang tetapi sebenarnya apabila duduk berbincang, seperti wanita lain Rafidah tanpa kekok akan berborak seperti 'makkik-makkik'.

"Ini adalah diri saya, saya rasa malu untuk pergi meminta-minta orang

mengundi saya. Tetapi kalau ke kampung-kampung saya tidak menghadapi masalah untuk berbual dengan wanita termasuk yang sebaya dengan saya... kami akan berborak pasal cucu masing-masing," katanya.

Justeru, ibarat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi, kedua-dua tokoh bertaraf menteri ini mempunyai kekuatan serta kelemahan masing-masing. Walau apapun keputusan yang bakal dibuat hari ini, harapan semua biarlah bak menarik rambut dari tepung, rambut tidak putus, tepung tak bersepah.

Bagi persaingan untuk jawatan naib ketua pula tidak kurang hebatnya. Ia membabitkan pertandingan antara Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ainon Khairiyah Mohd Abbas.

Shahrizat, walaupun dikaitkan sebagai regu Rafidah, menyatakan beliau tidak akan bersikap berpuk-puak sebaliknya boleh bekerja dengan sesiapa saja. Kedudukannya sebagai tokoh yang bertanggungjawab atas Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) sebuah jabatan yang melaksanakan program membabitkan wanita negara ini, mengukuhkan kewibawaannya di mata perwakilan.

Kegagalan penyandang naib ketua, Datuk Napsiah Omar, daripada mempertahankan jawatannya adalah satu kehilangan besar kepada pergerakan ini. Jasa beliau tidak boleh dilupakan begitu saja, mungkin masih ada tempat buat beliau untuk terus menyumbang tenaga yang masih gagah itu dalam pergerakan ini.

Persaingan antara 44 calon untuk merebut 20 kerusi Exco pergerakan itu juga dijangka sengit kerana kebanyakan yang bertanding bukan calang-calang orang. Dari tokoh politik veteran kepada tokoh korporat, senarai yang bertanding ternyata semakin dipenuhi dengan wanita profesional dan cendekiawan yang amat diperlukan Wanita Umno bagi memulihkan imej 'makcik-makciknya'.

Apapun, tidak kiralah yang menang atau kecundang... yang penting selepas pemilihan berakhir petang ini setiap seorang dari anggota Wanita Umno perlu merapatkan semula barisan demi kepentingan Umno masa depan. Kegagalan berbuat demikian hanya akan membuka ruang bagi anasir tidak diinginkan membuat onar.

(END)